



كِرَاءَان نَغَرِي كَدَاه دَارُ الْاَمَان

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mail : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami Bil (10) dlm. P.Kw.N(K) 1965/B (iPKPK)

Tarikh: 25 Zulkaedah 1444H
14 Jun 2023

Ketua-Ketua Jabatan Negeri, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri & Persekutuan Negeri Kedah Darul Aman

Ketua-Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman

S.S. Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YB Dato'/ YBhg. Dato' Paduka/YBhg. Dato'/ Tuan/Puan,

ARAHAN PERLAKSANAAN PERMOHONAN KELULUSAN PEROLEHAN KAEDAH RUNDINGAN TERUS SECARA ATAS TALIAN MELALUI SISTEM iPKPK

- <https://eservices.kedah.gov.my/ipkpk>

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri telah bersetuju untuk memproses permohonan kelulusan perolehan RUNDINGAN TERUS secara atas talian melalui Sistem iPKPK mulai 1 Julai 2023 dan arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

3. Semua jabatan yang terlibat adalah diminta mengemukakan permohonan Rundingan Terus secara atas talian dalam Sistem iPKPK melalui link: <https://eservices.kedah.gov.my/ipkpk>. Semua urusetia perolehan di jabatan mestilah mempunyai ID Pengguna iPKPK (Kerani & Pegawai) bagi proses permohonan tersebut. Semua Ketua Jabatan mestilah memastikan semua kakitangan yang terlibat telah dillantik secara rasmi untuk melaksanakan tugas yang berkaitan.

4. Semua permohonan Rundingan Terus yang akan diproses oleh jabatan mestilah dihantar secara atas talian melalui link <https://eservices.kedah.gov.my/ipkpk> yang diberikan. Sila pastikan semua dokumen permohonan Rundingan Terus lengkap disediakan terlebih dahulu sebelum memulakan pengisian permohonan melalui Sistem iPKPK bagi mengelakkan keciciran maklumat. Garis Panduan adalah merujuk kepada PK 2.4 Rundingan Terus. Sistem iPKPK hanya akan menerima permohonan yang lengkap dan mengikut format sahaja untuk diluluskan.

5. Sehubungan dengan itu, pihak urusetia jabatan bolehlah berhubung terus dengan urusetia PKPK (Unit Perolehan) ditalian 04-7027759/7749/7757 dan Penyelia Sistem iPKPK (ICT BTMK) ditalian 04-7027806/7816 untuk sebarang pertanyaan berkaitan penggunaan Sistem iPKPK bagi melancarkan proses permohonan.

Bil (10) dlm. P.Kw.N(K) 1965/B (iPKPK)

6. Segala perhatian dan kerjasama atas kadar segera daripada pihak S.S. Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YB Dato'/ YBhg. Dato' Paduka/YBhg. Dato'/ Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah diharapkan dan disanjung tinggi.

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA"

Saya yang menjalankan amanah,



(NADZIATUL SHAZWANI BINTI DATO' WIRA HAJI NOR AMAN, BCK.)
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Perolehan)
b.p Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.

Tel: 04-7027757/7758/7759 Emel: pkpk_perolehan@kedah.gov.my

- s.k.
1. YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman.
 2. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan)
 3. Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat Kedah.
 4. Tuan Bendahari Negeri Kedah Darul Aman
 5. Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Analisa & Pemantauan Pelaburan)
 6. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belajawan)
 7. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil 1)
 8. Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Hasil 2)